

15/09/2002

Pembangkang tidak wajar persenda hasrat PM bersara

Jamhariah Jaafar

PERASAAN sebak Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, air mata membasahi, kejutan, terkaman rakan-rakan dan anak buah serta rayuan supaya beliau tidak meneruskan hasrat untuk meletak semua jawatan dalam kabinet dan parti pada 22 Jun lalu, masih segar dalam minda rakyat negara ini.

Walaupun beliau merayu supaya dibenarkan meneruskan ucapan dan sekali gus melepaskan tanggungjawab amat berat yang dipikul sejak 21 tahun lalu, namun semua pihak menghalangnya daripada mengambil tindakan yang boleh menggugat kestabilan negara.

Hanya selepas rundingan dengan pemimpin Umno yang lain, Perdana Menteri setuju untuk menangguh rancangannya untuk bersara sehingga Oktober tahun depan dan ia disambut dengan kelegaan oleh semua pihak.

Justeru, kenyataannya kelmarin bahawa beliau tidak akan bertanding pada pilihan raya umum akan datang hanya mengesahkan keputusannya untuk bersara dan ia patut dihormati semua pihak, dan tidak perlu ada sebarang pandangan sinis mengenai hasrat itu.

Namun, parti pembangkang seperti Parti Keadilan Nasional (Keadilan) dan Pas bukan saja sinis dan terus dengan sikap tidak percayakan sebarang kenyataan Dr Mahathir, bahkan mempertikaikan keputusan media massa 'menghebohkan' perkara ini.

Kenyataan Keadilan bahawa 'pendekatan politik Machiavellian Dr Mahathir' terutama dalam mencipta formula peralihan kuasa yang dianggap banyak menimbulkan keraguan dan kesangsian rakyat terhadap agenda sebenar beliau, mengukuhkan sikap 'typical' pembangkang yang tidak putus-putus mencetuskan keraguan dengan pandangan negatif mereka.

Jika kita mengkaji sistem peralihan kuasa selepas empat Perdana Menteri, segala-galanya berjalan dalam keadaan licin dan lancar walaupun ada yang berlaku dalam suasana yang tidak begitu 'tenang'. Tunku Abdul Rahman melepaskan kuasa kepada Tun Abdul Razak Hussein dengan cara baik selepas tragedi kaum 13 Mei, 1969, dan peralihan kuasa kepada Tun Hussein Onn selepas kematian Tun Razak juga tidak menghadapi sebarang pertelingkahan.

Tun Hussein masih sihat ketika melepaskan jawatan kepada Dr Mahathir dan peralihan kuasa berlaku dalam suasana harmoni. Justeru, tidak ada sebab mengapa peralihan kuasa yang bakal berlaku tahun depan, diragukan kelancarannya apa lagi selepas Dr Mahathir secara terbuka mengumumkan hasrat untuk bersara.

Selepas 21 tahun bergelumang dengan dunia politik, Dr Mahathir telah melaksanakan tugas untuk melonjakkan nama Malaysia ke persada antarabangsa sebagai sebuah negara maju, aman dan makmur, dengan baik - jika ada sebarang kad laporan kemajuan terbabit maka sudah pasti ia tercatat 'amat cemerlang'.

Seperti kata Setiausaha Agung DAP, Kerk Kim Hock, tidak ada siapa boleh menafikan hakikat bahawa Dr Mahathir adalah Perdana Menteri terbaik (the greatest) Malaysia setakat ini dan beliau akan terus diingati sebagai negarawan yang berjaya membawa Malaysia mencapai satu tahap dan status yang tidak pernah diimpikan.

"Dr Mahathir adalah seorang pahlawan dan survivor yang agung. Beliau bukan saja tidak pernah teragak-agak atau gentar untuk menghadapi sebarang ancaman, bahkan tidak pernah surut daripada melakukan kejutan yang sering kali di luar dugaan," katanya dengan ikhlas.

Tapi Kerk sempat menyambung, bahawa seperti manusia lain, Dr Mahathir juga tidak lepas daripada membuat kesilapan.

"Bagi saya kegagalan paling besar bukan membabitkan bangsa Melayu, tapi sepanjang tempoh pemerintahannya berlaku berlaku hakisan keyakinan rakyat terhadap institusi demokrasi pada tahap yang tidak pernah berlaku," katanya.

Walaupun mengaku bahawa Dr Mahathir berjaya menangani masalah hakisan keyakinan rakyat itu, Kerk berkata Perdana Menteri akan `pergi' dengan kedudukan di puncak kehormatan sekiranya beliau berjaya memulihkan sepenuhnya keyakinan rakyat itu.

Jika ingin diikuti pendapat maka akan ada 1001 pendapat dan setiap persepsi akan berbeza.

Tapi apa yang penting di sini ialah Dr Mahathir tidak berdolak dalik dan tidak bersandiwara mengenai hasratnya untuk bersara dan keputusan untuk tidak bertanding pada pilihan raya akan datang adalah untuk menangkis semua persepsi negatif yang tidak kunjung padam yang dicetuskan pihak pembangkang.

Malahan ketika beliau terisak-isak merayu supaya dibenarkan melepaskan beban berat sebagai Perdana Menteri yang ditanggung selama ini, ia masih terus dipandang sinis oleh golongan ini.

Lihat saja kenyataan yang dikeluarkan Keadilan semalam: "Rakyat sudah banyak dibebani dengan pelbagai permasalahan dan kepincangan natijah kepemimpinan beliau."

Tapi bukalah mata dan lihatlah keadaan Malaysia sekarang. Negara di bawah pemerintahan Dr Mahathir semakin disegani dunia dan rakyat negara ini termasuk mereka yang menghentam, mengkritik dan pernah cuba menumbangkan kerajaan, terus mampu untuk hidup mewah, aman dan damai.